



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FACULTY OF SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES

TUGASAN INDIVIDU

SEMESTER 1, 2020/2021

TAJUK: WACANA DEKOLONISASI INTELEKTUAL

TOPIK: REPORT WEBINAR

NAMA: AMIRAH RAIHANAH BINTI ABDUL RAHIM

NO. MATRIK: A20EC0182

NO. K/P: 011026-10-0936

KURSUS/ SECT: UHIS 1022 – 73

TEL: 019-2771545

Pada hari Ahad yang lepas iaitu 10 Januari 2021, satu webinar yang bertajuk Wacana Dekolonisasi telah diadakan bagi pelajar subjek UHIS1022. Ianya telah bersiaran secara langsung di platform Facebook dan panel jemputannya adalah Prof Dr. Kamaruzzaman bin Yusoff dan Dr. Nasruddin bin Yunus. Webinar ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang punca dan impak-impak dekolonisasi secara mendalam kerana perkara ini semakin melarat. Di samping itu, semua pelajar diwajibkan hadir dan perlu menyediakan satu ulasan tentang dapatan webinar ini. Apakah itu dekolonisasi? Untuk memahami dekolonisasi adalah lebih baik jika pelajar memahami istilah yang berkaitan juga seperti kolonisasi dan neokolonisasi. Kolonisasi bermaksud usaha atau langkah yang dilakukan oleh pihak penjajah bagi meluaskan kuasa dan meningkatkan pengaruh di negara yang dijajah itu. Prof Kamaruzzaman memberi contoh seperti *The White Man's Burden* di mana para penjajah ini merasakan bahawa tanggungjawab mereka adalah untuk memodenkan orang tidak berkulit putih. Dengan kata lain, kolonisasi juga bermaksud penjajah mengambil tenaga manusia dan hasil sumber asli sebagai milik mereka.

Seterusnya setelah memahami kolonisasi, dekolonisasi pula bermaksud pemimpin-pemimpin ingin membebaskan pemikiran dan cara hidup dari pengaruh penjajah yang akan menghilangkan identiti tersendiri. Hal ini sangat penting supaya rakyat tidak lupa asal usul. Tambahan pula, dekolonisasi ini penting untuk memastikan keadilan bagi rakyat dapat dicapai semula dengan mengambil hak kuasa autonomi dari segi ekonomi dan politik. Dekolonisasi mempunyai beberapa aspek yang penting. Antaranya ialah, dekolonisasi pemikiran yang bermaksud membebaskan pemikiran yang berunsur pengaruh penjajah. Salah satu contoh jelas yang boleh kita lihat adalah, penggunaan bahasa seharian. Di zaman moden kini, lebih ramai yang mengagungkan bahasa inggeris berbanding bahasa ibunda sendiri. Penguasaan bahasa inggeris sememangnya penting supaya kita dapat berkomunikasi dengan orang asing, akan tetapi mereka yang menggunakan bahasa inggeris sebagai bahasa pengantar lebih mudah terikut dengan gaya hidup luar. Hal ini amat membimbangkan kerana gaya hidup luar ada yang bercanggah dengan adat melayu dan agama kita. Dengan ini, sebagai rakyat kita sewajarnya mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu dengan lebih baik lagi.

Selain itu, neokolonisasi juga adalah jenis penjajahan yang baharu di mana penjajah mengambil peluang untuk menguasai ekonomi, keselamatan dan teknologi. Penjajah memulakan dengan cara memberi peluang pekerjaan kepada negara yang ingin dijajah. Penjajah ini memberi jaminan bahawa ekonomi negara dijajah ini akan terpelihara. Hakikatnya, mereka sangat licik dan telah berjaya menjajah ekonomi kita tanpa disedari.

Persoalannya, apakah langkah untuk menerapkan dekolonisasi ini? Dalam konteks ini, semua lapisan masyarakat memainkan penting supaya penjajahan dapat ditamatkan. Antaranya ialah pihak kerajaan perlu mengembalikan citra dan jati diri rakyat dengan memastikan dasar sedia ada perlu dihayati dan dilaksanakan sepenuhnya supaya rakyat lebih sedar dan berubah. Seterusnya, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional perlulah memainkan peranan dengan mengadakan lebih banyak aktiviti yang bermanfaat untuk semua rakyat dengan memasukkan unsur-unsur cintakan negara dan asal usul sendiri. Disamping itu, sistem pendidikan sekarang perlulah diperbaiki kerana terlalu fokus akan silibus dan peperiksaan lebih kepada unsur teknikal. Sebagai contoh, Dr Nasruddin bercerita salah satu pelajarinya mendapat gred A dalam subjek Bahasa Melayu peperiksaan SPM. Akan tetapi pelajar tersebut masih belum fasih bercakap bahasa ibunda ini kerana ujarnya peperiksaan hanyalah teknikal sahaja, kalau anda mahir teknikalnya anda pasti berjaya. Dengan itu, sudah jelas sistem peperiksaan hendaklah dikaji semula supaya gred yang diraih pelajar seiring dengan ilmu yang didapati.

Akhir sekali, pelajar merupakan golongan yang sangat penting untuk dibentuk kerana merekalah pelapis bangsa akan datang. Antara peranan pelajar yang utama adalah, pelajar perlu sentiasa bersedia untuk belajar secara berterusan sama ada secara formal atau tidak. Kita dapat lihat sekarang bahawa sudah ramai golongan muda yang malas belajar dan terus bekerja. Hal ini perlulah dibendung dengan menekankan betapa pentingnya ilmu dalam kehidupan. Seterusnya, pelajar hendaklah sedar, tahu, faham dan mengaku bahawa kita semua sudah dijajah dari sudut pemikiran epistemologi. Tindakan yang proaktif perlulah diambil supaya pemikiran kita bebas dari unsur penjajah.

Konklusinya, dekolonisasi merupakan aspek yang penting dalam pembangunan negara supaya negara mempunyai identiti sendiri dan penjajah tidak mempunyai peluang untuk meluaskan pengaruhnya. Webinar ini telah mengajar saya tentang dekolonisasi dan betapa pentingnya mencintai adat dan budaya negara sendiri. Perkara ini perlulah diambil berat supaya ianya tidak hilang ditelan zaman. Seterusnya, saya juga mempelajari bahawa pentingnya ilmu dan juga penghayatan terhadap sejarah. Tanpa sejarah, sudah pasti kita tidak akan tahu bagaimana ingin memimpin negara dan menjadi rakyat yang berguna. Pokok pangkalnya, kita sebagai rakyat Malaysia perlu memperkasakan bahasa dan budaya dalam kehidupan seharian dan tidak melupakannya agar penjajahan tidak berulang lagi.